

Serang polis dengan kapak, lelaki cedera ditembak

17/06/2013 5:30pm

KUALA TERENGGANU - Seorang lelaki yang dipercayai penagih dadah cedera selepas ditembak di paha apabila dia bertindak liar cuba menyerang anggota polis dengan sebilah kapak dalam kejadian di Kampung La, Hulu Besut.

Dalam kejadian pukul 6 petang semalam itu, pemuda yang berusia 29 tahun berkenaan juga dipercayai kurang siaman selain berada di bawah pengaruh dadah, kata Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner K. Manoharan, di sini hari ini.

Mengulas kejadian tersebut kepada pemberita, Manoharan berkata, polis mendapat laporan mengenai seorang lelaki mengamuk dengan sebilah kapak di kampung itu selepas permintaannya untuk mendapat wang tidak dilayan oleh anggota keluarganya.

Suspek ke rumah bapa saudaranya untuk mendapatkan wang dipercayai bagi membeli dadah, namun bapa saudaranya tidak melayan permintaan itu menyebabkan suspek mengamuk. - Bernama

Artikel Penuh:

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0617&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_17.htm#ixzz2WWsZpUHL

Hakcipta terpelihara